# PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU, WISMA DARUL IMAN, KUALA TERENGGANU

Bil. ( ) dlm. PTG.TR. 122/60 Jld.3

K.Terengganu: 10hb. Februari, 1983.
Bersamaan: 27hb. R' Akhir, 1403.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1983.

Kadar Premium Dan Syarat-syarat Tanah Kerajaan Yang <u>Diperintah Secara Haram Di Negeri Terengganu.</u>

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah mengkaji semula kadar premium dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas tanah-tanah Kerajaan yang diperintah secara haram di Negeri ini dan bersetuju meluluskan seperti berikut :-

A. Tanah yang dimiliki dengan secara haram hendaklah diluluskan kepada penduduk-penduduk itu dengan syarat seperti berikut:-

a) <u>TANAH GETAH</u>:

I. i) Keluasan - Mengikut ukuran dalam pelan.

ii) a) Harga Tanah (Tepi Jalan) - Mengikut harga pasaran trempatan semasa.

Harga Tanah (Yang Lain) - Mengikut harga pasaran tempatan semasa.

b) Ditambah 4 sen pada tiap-tiap sebatang setahun dikira rata 450 batang satu hektar.

c) Hasil x Lamanya diduduki.

iii) Bayaran Hasil - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu,1966.

iv) Bayaran Pejabat - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

v) Bayaran upah ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965.

vi) Jenis Keterangan - Geran Mukim.

vii) Kegunaan - Pertanian.

Syarat Nyata:-

Tanah yang dibenarkan ini hendaklah ditanam dengan getah sahaja.

Sekatan Kepentingan:-

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis terlebih dahulu oleh Yang Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

II. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan ini bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu,1966 dan sekiranya tidak berbuat demikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.

III. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

b) TANAH KAMPUNG:

I. i) Keluasan- Mengikut ukuran dalam pelan.

ii) a) Harga Tanah (Tepi Jalan) - Mengikut harga pasaran tempatan se...masa.

Harga Tanah (Yang Lain) - Mengikut harga pasaran tempatan semasa.

b) Dditambah 2 sen pada tiap-taip satu pohon yang kekal dikira umur pohon itu.

c) Hasil x Lamanya diduduki.

iii) Bayaran Hasil - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

iv) Bayaran Pejabat - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

v) Bayaran Upah Ukur Batu Sempadan dan Persediaan Pelan- - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1966.

vi) Jenis Keterangan - Geram Mukim.

vii) Kegunaan (Categori) - Pertanian.

Syarat Nyata:-
Tidak dibenarkan bertanam getah atau kelapa sawit.

Sekatan Kepentingan:-

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang memberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

II. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiranya tidak berbuat demikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.

III. Tuan tanah ini hendklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

c) <u>TANAH PADI</u>:-

I. i) Keluasan - Mengikut ukuran dalam pelan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| ii) | a) Harga Tanah (Tepi Jalan) | - | Mengikut harga pasaran tempatan semasa. |
| | Harga Tanah (Yang Lain) | - | Mengikut harga pasaran tempatan semasa. |
| | b) Ditambah Hasil | x | Lamanya tanah itu diduduki. |
| iii) | Bayaran Hasil | - | Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966. |
| iv) | Bayaran Pejabat | - | Mengikut Peaturan Tanah Terengganu, 1966. |
| v) | Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan | - | Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965. |
| vi) | Jenis Keterangan | - | Geram Mukim. |
| vii) | Kegunaan (Categori) | - | Pertanian. |

<u>Syarat Nyata</u>:-

Tanah ini hanya dibenarkan bertanam padi sahaja.

<u>Syarat Kepentingan</u>:-

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

II. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiranya tidak berbuat demikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.

III. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

B Tanah-tanah yang dimajukan dengan secara haram dan hendak diluluskan kepada lain daripada orang yang telah mengusahakannya itu hendaklah diluluskan dengan syarat-syarat yang berikut:-

(a) TANAH GETAH:

I. i) Keluasan - Mengikut ukuran dalam pelan

ii) Harga Tanah (Tepi Jalan) - Mengikut harga pasaran tempatan semasa dengan tambahan 1/2 daripada harga tersebut.

Harga Tanah (Yang Lain) - Mengikut harga pasaran tempatan semasa dengan tambahan 1/2 daripada harga tersebut.

iii) Bayaran Hasil - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

iv) Bayaran Pejabat - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

v) Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965.

vi) Jenis Keterangan - Geran Mukim.

vii) Kegunaan (Category) - Pertanian.

Syarat Nyata:-

Tanah ini dibenarkan bertanam getah sahaja.

Sekatan Kepentingan:-

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidak/boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat berhurmat, Menteri Besar, Terengganu.

II. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapat Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiranya tidak berbuat demikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.

III. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah dibawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

(b) TANAH KAMPUNG:

I. i) Keluasan - Mengikut ukuran dalam pelan

ii) Harga Tanah (Tepi Jalan) - Mengikut harga pasaran tempatan semasa dengan tambahan 1/2 daripada harga tersebut.

Harga Tanah (Yang Lain) - Mengikut harga pasaran tempatan semasa dengan tambahan 1/2 daripada harga tersebut.

iii) Bayaran Hasil - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

iv) Bayaran Pejabat -Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

v) Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan - Mengikut Perintah Kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965.

vi) Jenis Keterangan - Geran Mukim.

vii) Kegunaan (Category) - Pertanian.

Syarat Nyata:-

Tanah ini tidak dibenarkan bertanam pokok getah dan kelapa sawit.

Sekatan Kepentingan:-

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftaran permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang terlebih dahulu diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

II. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu 1966 dan sekiranya tidak berbuat demikian, maka kebenaran tanah ini akan terbatal dengan sendirinya.

III. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah dibawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

c) TANAH PADI:

I. i) Keluasan - Mengikut ukuran dalam pelan.

ii) a) Harga Tanah (Tepi Jalan) - Mengikut Harga pasaran tempatan semasa dengan tambahan 1/2 daripada harga tersebut.

Harga Tanah (Yang Lain) - Mengikut Harga pasaran tampatan semasa dengan tambahan 1/2 daripada harga tersebut.

iii) Bayaran Hasil - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

iv) Bayaran Pejabat - Mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966.

v) Bayaran Upah Ukur, Batu Sempadan dan Persediaan Pelan. - Mengikut Perintah kanun Tanah Negara (Bayaran Ukur) 1965.

vi) Jenis Keterangan - Geran Mukim.

v) Kegunaan (Category)) -Pertanian.

Syarat Nyata:-

Tanah ini hanya dibenarkan kerana bertanam padi sahaja.

Sekatan Kepentingan :-

Dalam selama masa sepuluh (10) tahun daripada tarikh daftarn permohonan ini dibenarkan, maka tanah ini tidaklah boleh dibuat pindahmilik, digadai atau disewakan kecuali dengan mana-mana orang yang terlebih dahulu diberi kebenaran bertulis oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar, Terengganu.

II. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan bagi mendapatkan Hakmilik Sementara (Qualified Title) dalam masa yang ditentukan mengikut Peraturan Tanah Terengganu, 1966 dan sekiraya tidak berbuat demikiann maka kebenarab tanah akan terbatal dengan sendirinya.

III. Tuan tanah ini hendaklah mengangkat permohonan tanah di bawah Peraturan Tanah 2 - Jadual 1.

2. Pindaan kepada kadar premium dan syarat-syarat tanah Kerajaan yang diperintah secara haram ini berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1983. Dengan yang demikian Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 3/1982 bertarikh 28hb. Januari, 1982 mengenai perkara yang sama adalah dibatalkan.

3. Di samping itu juga Akta Timbang Sukat 1972 (Akta 71) yang mengarahkan bentuk ukuran, sukatan dan timbangan hendaklah menggunakan sistem metrik dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 2/1982 adalah berkaitan.

4. Sungguhpun Kerajaan bersetuju supaya kadar premium ini dikenakan berdasarkan kepada harga pasaran tempatan semasa, maka tuan adalah diminta menetapkan harganya juga semasa mengangkat laporan untuk pertimbagan Pihak Berkuasa Negeri setelah penilaian terhadap tanah yang disyorkan itu dijalankan oleh pihak tuan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' LELA JASA)
Pengarah Tanah dan Galian,
Terengganu.

s.k.
Yang Berhormat,
Setiusaha kerajaan,
<u>Terengganu.</u>

Fail PTG.TR. 13/66/1